

19 APR 2001

Mahathir-Kelantan

PERDANA MENTERI LAWAT KELANTAN ESOK

KOTA BAHARU, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan sehari ke Kelantan, esok.

Menurut satu kenyataan Jabatan Penerangan Negeri Kelantan, Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa dekat sini pada pukul 9 pagi.

Dr Mahathir akan merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) peringkat Kebangsaan 2001 di dewan Majlis Perbandaran Kota Baharu (MPKB) Jalan Mahmood di sini pada pukul 9.30 pagi.

MSAM 2001 yang akan berlangsung sehingga 24 April adalah anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan kerjasama Persekutuan Pengurus-Pengurus Amanah Saham Malaysia (FMUTM).

Pada majlis itu, Perdana menteri akan melancarkan amanah saham baru yang dianjurkan oleh PNB.

Kenyataan itu menyebut, Perdana menteri akan menunaikan sembahyang Jumaat bersama penduduk di Masjid Taman Uda Murni di sini.

Perdana Menteri kemudiannya akan makan tengah hari di kediaman bekas Menteri Besar Kelantan Tan Sri Mohamed Yaakob di Taman Uda Murni di sini, bersama anggota jawatankuasa Masjid Uda Murni, veteran Umno Kelantan, pemimpin Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) negeri dan beberapa wakil pertubuhan bukan kerajaan.

Kenyataan itu menyebut Perdana menteri akan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin Barisan Nasional (BN) negeri Kelantan di tempat yang sama pada pukul 3 petang.

Perdana menteri kemudiannya akan berlepas ke Kampung Ana di Tumpat untuk melawat Projek Ladang Merdeka Padi di situ.

Pada sebelah malam, Dr Mahathir akan menemui ketua-ketua cawangan, pemuda dan wanita Umno bahagian Peringat dan Bachok di Maktab Rendah Sains Mara di Pasir Tumbuh dekat sini.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah yang mempunyai jadual berasingan pada sebelah petang, akan berada pada majlis PNB Endah iaitu aktiviti bersama kanak-kanak istimewa dan anak-anak yatim di Dewan MPKB.

Dr Mahathir dan isteri dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 10.45 malam.

-- BERNAMA

MNR BD LAT